

Kukte meraih se semua pingat

KUANTAN: Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) mencatat sejarah apabila meraih semua pingat daripada 11 penyertaan pada Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lebih manis, daripada 11 penyertaan itu, dua adalah pingat emas yang dimenangi menerusi Ahmad Ziad Sulaiman dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dan Zalili Musa (Fakulti Kejuruteraan Sains Komputer dan Teknologi Maklumat).

Lima pingat perak pula diraih Jollius Gimbun dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Prof Madya Dr Rosli Abu Bakar (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal), Fatmawati Latada (Pusat Bahasa Modern dan Sains Kemanusiaan), Suryanti Awang (Fakulti Kejuruteraan Sains Komputer dan Teknologi Maklumat) dan Kamal Jusoh (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli).

Bagi empat Pingat gangsa diraih Che Ku Mohammad Faizal dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Wan Maseri Wan Moh dan Wan Azlee Wan Abdullah (Fakulti Kejuruteraan Sains Komputer dan Teknologi Maklumat), Fatmawati Adam (Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli) dan Norrihan Sulan (Pusat Bahasa Modern dan Sains Kemanusiaan).